

## WAKAF SEBAGAI DANA ALTERNATIF UNTUK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN DI POLITEKNIK MALAYSIA: SATU TINJAUAN

Yusni Mohamad Yusak<sup>1</sup>, & Norsaadah Din @ Mohamed Nasirudin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Am (JPA), Politeknik Nilai (PNS), Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial (FSS), Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Yusni Mohamad Yusak. Jabatan Pengajian Am (JPA), Politeknik Nilai (PNS), Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Email: [yusni@polinilai.edu.my](mailto:yusni@polinilai.edu.my).

### Abstrak

Wakaf pendidikan adalah suatu dana dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan yang digunakan oleh institusi pengajian untuk tujuan pembangunan pendidikan. Objektif utama artikel ini ditulis adalah bagi meninjau pengenalan wakaf sebagai mekanisme kewangan komplementatif bertujuan untuk pendanaan pendidikan di peringkat politeknik di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan sebagai metode kajian melalui analisis data secara deskriptif dan induktif. Dapatan awal menunjukkan wujud kekangan-kekangan bagi merealisasikan cadangan berkenaan khususnya kekangan perundangan. Namun begitu, peluang untuk merealisasikan hasrat pendanaan tersebut terbuka luas melalui keterlibatan dan peranan pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Tinggi dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Dampak kajian ini dapat menambah input dan memperkaya informasi kepada pihak berkepentingan untuk merealisasikan tabung wakaf pendidikan bagi politeknik. Sementara itu, para pemegang taruh dalam pendidikan mesti menggembeleng seluruh sumber dan keupayaan ke arah menjayakan cita-cita unggul memastikan pendidikan negara sentiasa di tahap terbaik seiring kemajuan dunia.

**Kata kunci:** Wakaf, wakaf pendidikan, sistem pendidikan, politeknik.

## **(WAQF AS ALTERNATIVE FUND FOR EDUCATION FINANCING IN MALAYSIAN POLYTECHNIC: AN OVERVIEW)**

### **Abstract**

*Every year, education takes amongst the biggest allocation in national budget but complementary fund is still a necessary to support a quality education. The main objective of this article is to review the introduction of waqf as a complementary financial mechanism aimed at funding education at the polytechnic level in Malaysia. This study uses a content analysis approach as a study method through descriptive and inductive data analysis. Preliminary findings indicate the existence of constraints to realising the provisions in particular legal constraints. However, the opportunity to realise this funding desire is wide open through the involvement and role of the highest management of the Ministry of Higher Education (MOHE) and the Department of Polytechnic Education and Community Colleges. The impact of this study can increase input and enrich information for interested parties to realise educational waqf savings for polytechnics. Meanwhile, stakeholders in education must mobilise all resources and efforts towards achieving the ideal of excellence, ensuring that the country's education remains at the best level as the world progresses.*

**Keywords:** *Waqf, Education Waqf, Education System, Polytechnic.*

Received: June 16, 2024

Accepted: August 8, 2024

Online Published: December 31, 2024

### **1. Pendahuluan**

Wakaf Pendidikan merupakan satu istilah yang tidak asing diperbincangkan di kalangan warga pendidik. Ironinya ia adalah dua perkataan yang setiap satunya mempunyai kekuatannya yang tersendiri, disamping memberikan impak besar terhadap sistem pentadbiran di sesebuah negara.

Pendidikan didefinisikan sebagai didikan, latihan atau ajaran (DBP 2015). Pendidikan adalah suatu usaha berkesinambungan untuk memperkembangkan potensi warga secara bersepadu dan menyeluruh bagi melahirkan warga yang harmonis dan seimbang jasmani, emosi, rohani dan intelek. (JERI) (KPM 2023) secara berperingkat dan tersusun melalui aktiviti persekolahan (Mook Soon Sang 2008) bertujuan melahirkan warganegara yang baik, berkualiti dan holistik sehingga mampu meraih pencapaian tertinggi dan professional (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2007). Ringkasnya pendidikan adalah perbuatan memberi dan menerima secara sistematik ilmu pengetahuan yang berkesinambungan dan sepanjang hayat secara formal di sekolah dan universiti atau tidak formal. (UNESCO 2019).

Sementara itu, wakaf adalah perkataan Bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*. Ia mempunyai pelbagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, *waqf* membawa maksud berhenti (السكن), menegah (المنع) dan menahan (الحبس) (Ibn Manzur 2005; 9/359). Wakaf juga ditakrifkan

sebagai sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai atau sesuatu yang diuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam (DBP 2015) Sebagai contoh, tanah wakaf ialah tanah yang diuntukkan bagi keperluan agama seperti untuk perkuburan, mendirikan masjid, dan lain-lain.

Tegas Zulkifli Muhammad al-Bakri wakaf ialah satu perbuatan (amalan) dengan memberikan sebahagian harta yang dimiliki untuk dimanfaatkan oleh orang lain (masyarakat) bermatlamat mendekati diri kepada Allah SWT. (Zulkifli 2019). Iaitu pewakaf memutuskan pemilikan harta miliknya kepada orang ramai (masyarakat) untuk diambil manfaat dan faedah daripada harta pemberiannya itu.

Secara kesimpulannya Wakaf Pendidikan adalah suatu dana dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan yang diberikan oleh seseorang (individu atau kumpulan) untuk digunakan oleh institusi pengajian bagi menjalankan aktiviti pendidikan: pembangunan institusi, jabatan, makmal dan program; pengoperasian: pendanaan program, bayaran gaji, tuntutan bayaran dan dermasiswa serta penyelidikan : penerokaan, penghasilan formula dsb). (Mohd Faizal et al. 2021)

Sistem wakaf dikembangkan lagi peranannya melalui ijtihad ulama berdasarkan kepada istinbat hukum mengikut realiti dan kesesuaian masalah semasa. Justeru, pelbagai bentuk wakaf dikemukakan kepada masyarakat Islam seperti wakaf tunai, wakaf manfaat, wakaf saham, wakaf pendidikan dan lain-lain lagi.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) merupakan peneraju utama penawaran program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga Disember 2023 sejumlah 36 buah politeknik dan 105 buah kolej komuniti telah ditubuhkan dan beroperasi di seluruh negara bagi memenuhi kebutuhan industri dan tenaga kerja separa mahir.

PolyCC menawarkan program pengajian pada peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda mencakupi bidang pengajian kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan. Sehingga 31 Disember 2023, Politeknik menawarkan 86 program sepenuh masa; 7 program sarjana muda, 74 program diploma dan 5 sijil kemahiran politeknik; sementara itu di Kolej Komuniti menawarkan 63 program sepenuh masa; 16 program diploma, 40 program sijil dan 7 sijil kemahiran khas. JPPKK bertanggungjawab menguruskan 36 kampus politeknik dan 105 kampus kolej komuniti dengan jumlah warga PolyCC seramai 10686 orang staf akademik, 3759 orang staf sokongan dan 93055 orang enrolmen pelajar sepenuh masa dengan tahap kebolehpasaran graduan sebanyak 96.2% di politeknik manakala 96.8% di kolej komuniti.

Data di atas menunjukkan bahawa kerajaan perlu berbelanja besar untuk menampung operasi PolyCC yang mencakupi peruntukan pengurusan dan pembangunan. Malahan sektor pendidikan secara amnya adalah penerima manfaat terbesar belanjawan tahunan sejak 3 tahun terakhir berjumlah RM155.8 billion (2021-2023); manakala KPT penerima manfaat berjumlah RM43.8 bilion iaitu RM14 billion (2021); RM14.5 billion (2022); dan RM15.3 billion (2023).

Justeru kebergantungan kepada dana awam (kerajaan) secara total dan berterusan bukanlah satu langkah yang efisien. Faktor dalaman dan luar negara yang berlaku secara

tidak terduga seperti ketidaktentuan ekonomi, wabak Covid-19, ledakan Revolusi Industri 4.0 (*The Fourth Industrial Revolution; IR4.0*), pendigitalan pendidikan, serta pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) (Haziyah et al. 2021) melonjakkan lagi keperluan pengurusan kewangan di institusi pendidikan dari masa ke semasa.

Suntikan dana sokongan untuk merealisasikan segala agenda di atas perlu diperoleh dan diatasi segera. Kualiti pendidikan negara khususnya pendidikan tinggi tidak boleh dipinggirkan dan dipandang enteng. Keperluan mendesak dana sokongan bagi memastikan kualiti pendidikan negara sentiasa menjadi keutamaan dan mekanisme terbaik untuk dicadangkan ialah wakaf atau *endowment*.

## **2. Metodologi**

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan perpustakaan dan penganalisan dokumen di mana pengkaji akan meneliti dokumen-dokumen bercetak dan berautoriti seperti jurnal, artikel, kajian-kajian, prosiding dan buku-buku serta penerbitan terdahulu yang berkaitan. Data-data deskriptif yang diperoleh akan diteliti dan dianalisis sebelum dapatan tersebut diperbincangkan, diulas dan dilaporkan seterusnya diangkat untuk tindakan pihak berkepentingan.

## **3. Dapatan dan perbincangan**

Wakaf Pendidikan atau Wakaf Institusi Pendidikan adalah satu istilah yang tidak asing dalam sejarah Islam. Pengistilahan tersebut bermaksud pusat-pusat pengajian ditubuhkan, dibina dan diurus menggunakan harta wakaf yang disumbangkan oleh umat Islam. Wakaf Pendidikan di asaskan sendiri oleh Rasulullah SAW melalui pembinaan Masjid Quba' dan Masjid Nabawi sebagai pusat aktiviti umat Islam di Madinah.

Konsep, pengurusan dan pelaksanaan wakaf sekarang ini semakin maju dengan inisiatif mewujudkan organisasi pengurusan wakaf tersendiri yang tersusun dan sistematik, penglibatan ahli professional serta pihak kerajaan yang mentadbir serta menambahbaik sistem wakaf. Maka tidak hairanlah Wakaf Pendidikan telah berjaya melahirkan ribuan ulama terkemuka dan tersohor seantero dunia (Maffuza 2014). Di zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab, institusi pendidikan wakaf pra-sekolah yang dikenali sebagai Kuttab telah diperkenalkan sebagai pusat pendidikan awal untuk belajar membaca dan menulis, baik di masjid atau lainnya yang dijadikan tempat belajar secara percuma bagi anak-anak golongan miskin dikenali juga sebagai Kuttab Sabil. Ketika zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyah (750M-1258M), Kota Baghdad telah menjadi pusat kegiatan intelektual dengan penubuhan Bayt al-Hikmah. Khalifah Harun al-Rasyid menjadikan pusat tersebut sebagai Pusat Penterjemahan Karya Yunani dan Parsi ke dalam bahasa Arab. Bayt al-Hikmah dijadikan sebagai institusi pendidikan tinggi dan pusat penulisan karya ilmiah yang telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh sarjana Islam tersohor seperti Jabir bin Hayyan, Muhammad al-Khwarizmi, Abu Yusuf al-Kindi dan ramai lagi. (Wan Azmi et al. 2014)

Pembangunan institusi wakaf di Malaysia bermula seawal Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Institusi wakaf berperanan mengambil alih pengurusan sebahagian besar sekolah-sekolah agama yang dimulakan dengan kewujudan kelas pengajian di masjid atau surau sehinggalah ke peringkat madrasah, institusi pondok, Sekolah Agama Rakyat (SAR),

Sekolah Agama Negeri (SAN) dan sebagainya (JAWHAR 2018). Institusi pendidikan terkenal yang diasaskan dan diuruskan menggunakan dana wakaf di Malaysia ialah Madrasah al-Attas di Pekan, Pahang (1860); Madrasah Hasan al-Fatani di Besut, Terengganu (1872); Madrasah al-Masriyah di Bukit Mertajam, Pulau Pinang (1906); Madrasah al-Attas di Ulu Tiram, Johor (1913); Madrasah al-Masyhoor di Georgetown, Pulau Pinang (1916); Madrasah Rahmaniah di Pasir Mas, Kelantan (1932); Madrasah al-Ihya al-Syarif di Gunung Semanggol, Perak (1934); Maktab Mahmud di Pokok Sena, Kedah (1936); Madrasah Arabiah di Kluang, Johor (1946) dan Kolej Islam Malaya di Klang, Selangor (1950). Pelaksanaan wakaf di institusi pendidikan sehingga kini semakin mendapat perhatian dengan skop liputannya yang lebih luas tidak tertumpu kepada institusi pendidikan tradisional sahaja, malahan turut melibatkan universiti awam dan universiti swasta (Wan Azmi et al. 2014, Maffuza 2014, Mohd Mizan 2015, JAWHAR 2018).

Penubuhan wakaf IPT ini secara umumnya bertujuan untuk menerima wang tunai, harta tanah, aset-aset kewangan dan sebagainya dari dalam dan luar negara yang akan digunakan bagi kepentingan aktiviti keilmuan serta pengembangan dana di institusi pendidikan. Wakaf di IPT juga kini mula mendapat kerjasama pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta perhatian pihak kementerian. Dengan penubuhan Lembaga Wakaf atau Jawatankuasa Wakaf yang diwakili oleh ahli-ahli daripada kedua-dua pihak MAIN dan IPT, model tadbir urus wakaf IPT dilihat lebih kemas dan tersusun berbanding pengurusan wakaf di institusi pendidikan tradisional. Walau bagaimanapun, penubuhan wakaf di IPT di Malaysia masih terlalu baharu dan sedang melalui fasa penyesuaian pelaksanaannya.

Antara universiti awam yang menjadi perintis kepada usahasama dan kelulusan pihak MAIN dalam pelaksanaan wakaf masing-masing ialah Universiti Sains Malaysia (USM) pada 2009, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2010, UPM pada 2011 dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 2013. Sehingga kini, terdapat empat belas (14) buah universiti awam dan enam (6) buah universiti swasta yang telah menubuhkan wakaf menerusi kerjasama dengan MAIN masing-masing. Angka tersebut belum mengambil kira jumlah keseluruhan institusi pendidikan pondok dan institusi pendidikan tahfiz, sekolah sekolah agama dan maahad serta lain-lain institusi pendidikan yang telah melaksanakan wakaf institusi pendidikan masing-masing, sama ada dengan kelulusan atau tanpa kelulusan pihak MAIN (Mohd Ali 2015, JAWHAR 2018).

### 3.1 *Konsep Wakaf di Institusi Pendidikan Barat*

Kehebatan wakaf sebagai penggerak dan penjana kemajuan institusi pendidikan Islam jelas diakui oleh dunia barat sehingga ianya diciplak dengan bertopengkan penjenamaan dalam bentuk baharu seperti *endowment*, *trust fund*, *foundation* dan sebagainya. *Endowment* di perkenalkan pertama kalinya di Universiti Harvard, Amerika Syarikat diikuti institusi di Yale, Oxford, Princeton, Cambridge di Britain dan banyak lagi. *Endowment* dalam ruang lingkup masyarakat barat dirujuk sebagai sumbangan yang diberikan untuk kepentingan dan tujuan pihak lain.

*Endowment* menurut Hansmann seorang sarjana barat ialah “*financial reserves of universities*”. Ia dirujuk sebagai dana kewangan yang disumbangkan daripada derma orang ramai bagi kegunaan perbelanjaan pembangunan, pengoperasian serta pelaksanaan aktiviti institusi tertakluk kepada peraturan dan syarat yang ditetapkan pihak pengurusan universiti

tersebut. Para penyelidik telah membuktikan bahawa konsep *endowmen* sebenarnya telah dipinjam daripada konsep wakaf dari Yerusalem semasa Perang Salib sekitar tahun 1211M. Dalam masa yang sama, peranan dan kehebatan wakaf terus dilumpuhkan dengan pelbagai strategi serta tipu daya menerusi penjajahan barat dan penguasaannya ke atas negara-negara Islam. (JAWHAR 2018, Zulkifli 2019)

### 3.2 Pelaksanaan Wakaf Pendidikan di Malaysia

Pelaksanaan Wakaf Pendidikan memerlukan sinergi dan kaedah pelaksanaan yang sistematik dan mapan. Ia bertujuan bagi memastikan kelangsungan dan konsistensi penjanaaan dana wakaf itu sendiri. KPT menggariskan 5 kaedah penjanaaan dana wakaf secara berterusan (Razali & Rahayu 2015) iaitu:

Rajah 1 : Strategi penjanaaan wakaf pendidikan secara berterusan.



### 3.3 Model wakaf yang telah berjaya dilaksanakan

#### i. Sekolah dan Madrasah

Pelaksanaan wakaf pendidikan di peringkat sekolah dan madrasah telah diasaskan seawal tahun 1933 melalui pembinaan pondok dan madrasah yang dibina hasil sumbangan wakaf orang ramai atau individu. (Fatin Dayana et al. 2022) Kajian Asmak Ab Rahman (2009) mendapati institusi pendidikan wakaf peringkat rendah dan menengah terdiri daripada Sekolah Agama Negeri (SAN), Sekolah Agama Rakyat (SAR), madrasah dan pondok dirumuskan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Pelaksanaan Wakaf Sekolah dan Madrasah

Institusi	Perincian
Madrasah Khairiah Islamiah, Pulau Pinang.	Telah diasaskan pada 1933
Maktab Mahmud, Kedah.	Telah diasaskan pada 16 Jun 1936
Madrasah Masyhor Al-Islamiyyah, Pulau Pinang.	Telah diasaskan pada tahun 1916
Maahad Al-Ihya Al-Syarif, Perak.	Telah diasaskan pada 15 April 1934
Madrasah Arabiah Kluang, Johor.	Telah diasaskan pada 8 mei 1946
Kolej Islam Malaya, Selangor.	Telah diasaskan pada 24 Februari 1955

Sumber : Mohd Ali (2019), Fatin Dayana et al. (2022)

ii. Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Sementara itu, usaha berterusan melaksanakan wakaf pendidikan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) diasaskan menggunakan model Wakaf al-Azhar (Zulkifli 2019). Usaha tersebut terus berkembang ke beberapa IPT awam melalui sumber, jumlah dan kaedah pendanaan yang spesifik seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Pelaksanaan Wakaf di IPT Awam

<b>Institusi</b>	<b>Perkara</b>	<b>Perincian</b>
Universiti Putra Malaysia (UPM)	Nama/Tahun Tujuan Sumber Jumlah Kaedah	Wakaf Ilmu/2011 Kegunaan warga UPM Komuniti kampus & orang awam RM7.1 juta/sehingga Mei 2016 Bayaran kaunter waqaf UPM, kotak pengumpulan waqf (pelbagai pejabat di UPM), CIMBClicks, potongan gaji bulanan, dan kemudahan tuntutan kakitangan (e-claim).
Universiti Sains Malaysia (USM)	Nama/Tahun Tujuan Sumber Jumlah Kaedah	Wakaf Tunai ISDEV/November 2009 Pendidikan, pembangunan, penyelidikan -Diuruskan Yayasan USM. RM50,000/sehingga Mei 2016 Kupon tunai, pemindahan wang melalui bank
Universiti Islam Malaysia (USIM)	Nama/Tahun Tujuan Sumber Jumlah Kaedah	Klinik Wakaf (USIM)/ April 2014. Perkhidmatan kesihatan asnaf (miskin, kurang bernasib baik) sekitar USIM. Dana penuh kerajaan Negeri Sembilan. RM4.25 juta/sumbangan sehingga Mei 2016 Sumbangan kerajaan Negeri Sembilan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Nama/Tahun Tujuan Sumber Jumlah Kaedah	Dana Wakaf UKM/2010. Pendidikan, kebajikan, pembangunan pelajar, penyelidikan (akademik & pembangunan), jalinan industri & masyarakat Warga UKM dan orang awam. RM365,000 dikumpul sehingga Mei 2016. Komunikasi peribadi, iklan dalaman.
Universiti Antarabangsa Malaysia (IIUM)	Nama/Tahun Tujuan Sumber Jumlah Kaedah	Dana Wakaf IIUM/1999. Penajaan pelajar/tahunan. Kerajaan, sumbangan syarikat, yayasan luar negara. RM3.5 juta/sejak 1999. Warga UKM dan orang awam.

Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Nama/Tahun Tujuan Sumber Kaedah	Tabung Amanah Biasiswa. Biasiswa mahasiswa kurang berkemampuan. Sumbangan warga UMS. Warga UMS dan orang awam.
Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Nama/Tahun Tujuan Sumber Kaedah	Tabung Amanah Endowment. Biasiswa pelajar dan pembangunan pendidikan. Sumbangan warga dan orang awam. Warga UMP dan orang awam.

Sumber : Dzuljastri et al. (2016), Mohd Ali (2015, 2019), Fatin Dayana et al. (2022)

iii. Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

Pelaksanaan wakaf pendidikan berkesinambungan juga di IPTS melalui kaedah penjualan tanah, sumbanagn dan sebagainya ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Pelaksanaan Wakaf di IPT Swasta

<b>Institusi</b>	<b>Perkara</b>	<b>Perincian</b>
Universiti Malaysia (IUM)	Islam Nama/Tahun Tujuan Sumber Jumlah Kaedah	13 Julai 2014 Melahirkan ulama' bertakwa Wakaf orang ramai, institusi korporat. RM5.18 juta (syarikat, pertubuhan, individu). Wakaf orang ramai, institusi korporat.
University Bestari (UCB).	Collage Nama/Tahun Tujuan Sumber Jumlah Kaedah	Kolej Teknologi Bestari (KTB)/1998 Pembiayaan pendidikan, kos makan dan penginapan (anak-anak yatim dan miskin) Penjualan tanah kampus UCB (320 ekar, RM30/0.1 meter persegi) RM6 juta derma wakaf. Konsep jual dan wakaf tanah.
Universiti Antarabangsa Al-Bukhari (AiU)	Nama/Tahun Tujuan Sumber Jumlah Kaedah	Universiti Antarabangsa Al-Bukhari (AiU)/2010 Penajaan Pendidikan kepada pelajar pintar dari masyarakat kurang bernasib (Asia dan Afrika) Tajaan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary Lebih RM500 juta 45 ekar (18 hektar). Tajaan.
Universiti Selangor (UIS)	Islam Nama/Tahun Tujuan Sumber Jumlah Kaedah	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)/ 15 Februari 1995. Melahirkan tenaga profesional Islam. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Kos pembangunan dan pengoperasian KUIS. Penubuhan Yayasan KUIS untuk menyelaras hal ehwal wakaf pendidikan dan zakat.

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)	Nama/Tahun	Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR)/16 Oktober 1999.
	Tujuan	Menjadi IPTI cemerlang yang mengintegrasikan ilmu agama, sains, teknologi dan kemanusiaan.
	Sumber	Wakaf Raja Dr. Nazrin Shah.
	Jumlah	Tanah 50 ekar.
	Kaedah	Sumbangan.

Sumber : Mokhtar (2015), Mohd Ali (2019), Mutiara Dwi Sri et al. (2016) USAS (2023), AiU (2023)

### 3.4 Wakaf Pendidikan di Politeknik

Istilah wakaf Pendidikan di politeknik adalah suatu yang masih langka dan masih kurang diperbincangkan. Sehingga artikel ini ditulis belum ada satu program yang khusus dikenali sebagai program wakaf pendidikan di Politeknik Malaysia. Sebaliknya politeknik menjadi institusi penerima manfaat wakaf iaitu pada 5 April 2019, Politeknik Nilai (PNS) menerima Wakaf (Kipas Besar) untuk kegunaan Pusat Islam al-Kauthar dan menerima wakaf buku bertajuk 'Raudhatus Salatin'. (PNS 2023) Namun begitu, usaha memberikan kesedaran dan galakkan berwakaf dilaksanakan dari masa ke semasa.

Usaha membangkitkan kesedaran berwakaf berkesinambungan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) melalui program kutipan wakaf dan infaq yang dilancarkan pada tahun 2021 bertujuan menaik taraf Pusat Islam (PI), PSA. Program wakaf tersebut adalah sebahagian daripada usaha untuk mengumpulkan dana bagi menaiktaraf prasarana PI PSA yang mencakupi skop kerja penambahan ruang solat, kemudahan bilik seminar dan pembinaan *Techno Huffaz Center* yang bakal dimanfaatkan oleh pelajar dan warga PSA, serta komuniti sekitar (PSA 2023).

Kesedaran berwakaf tersebut disambut positif warga Jabatan Pengajian Am (JPA), Politeknik Port Dickson (PPD) dengan penganjuran Seminar Wakaf pada Selasa, 7 Ogos 2018 Program julung kali dianjurkan dengan kerjasama Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan dengan objektif utamanya memberi pendedahan, kesedaran dan galakkan kepada orang ramai khususnya pelajar dan kakitangan Politeknik Port Dickson. (Suhaimi 2018) Berikutan itu, kertas kerja khusus bertajuk Tabung Wakaf Pendidikan telah disediakan pada tahun 2020 untuk kelulusan pengurusan tertinggi PPD. Tabung ini diwujudkan dengan objektif menyediakan wadah rasmi pengumpulan dana secara sah melalui amalan wakaf untuk membantu kumpulan sasaran yang memerlukan; menyediakan platform kepada warga politeknik untuk melaksanakan ibadah wakaf khususnya wakaf duit (pendapatan) dan memberikan kefahaman kepada umat Islam amalan berwakaf serta kepentingannya untuk pembangunan ummah dan negara (Yusni 2020).

Justeru, usaha yang berterusan dan berkesinambungan untuk memberikan kefahaman, kesedaran dan penyertaan berwakaf warga politeknik serta penubuhan Tabung Wakaf Pendidikan Politeknik perlu disegerakan dan dipertingkatkan. Satu jawatankuasa khas perlu ditubuhkan dengan garis panduan yang jelas bagi melicinkan lagi proses administrasi dan pemberian manfaat kepada warga.

### 3.5 Buku Ungu Pelan Transformasi Pendidikan Negara 2017

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai kementerian yang menaungi politeknik telah menerbitkan Buku Ungu Pelan Transformasi Pendidikan Negara 2017 telah mengenal pasti 6 cabaran utama melestarikan wakaf institusi pendidikan khususnya di IPT seperti berikut:

- i. Keperluan untuk meningkatkan tahap kesedaran, kefahaman dan salah tanggapan ahli masyarakat terhadap amalan berwakaf yang sempit yang hanya terhad kepada wakaf pembinaan masjid, tanah perkuburan dan pengurusan tanah terbiar. Semakin tinggi kesedaran terhadap wakaf, maka semakin tinggi jumlah kutipan dan sumbangan wakaf.
- ii. Anggota pentadbiran atasan institusi yang kurang berwibawa, kurang berperanan, kelemahan jaringan kerjasama dengan pihak pengurusan wakaf dan sebagainya lagi.
- iii. Kurangnya pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme pihak pengurus institusi serta kakitangan bagi menguruskan dana wakaf dan teknikalnya.
- iv. Kekangan birokrasi, pengurusan dan kelulusan (Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)) sebagai badan kawal selia dan penguatkuasaan wakaf perlu ditambah baik dan disegerakan. Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan Peraturan Tanah Negeri hendaklah disemak dan dikemaskini bersesuaian dengan keperluan berwakaf.
- v. Pemahaman sempit dan keunikan prinsip wakaf berkaitan hak dipindah milik dan pengkekalan tujuan berwakaf menjadi penghalang dan pengembangan harta wakaf.
- vi. Kekurangan kreativiti dan inisiatif untuk mengumpul dana wakaf serta mempelbagaikan sumber pendapatan alternatif merencatkan usaha pengumpulan dana wakaf secara maksima untuk kegunaan warga.

Justeru itu; penubuhan satu unit khas yang berperanan mengumpulkan dana (wakaf, hibah, sedekah, wasiat tabarru' dsb) bagi tujuan pembiayaan pembangunan fizikal, pembiayaan pengajian pelajar serta keperluan warga yang memerlukan di IPTA dan IPTS amnya dan politeknik khususnya perlu disegerakan. Unit khas ini berperanan menjalin kerjasama erat dengan MAIN, memperoleh mandat dan tauliah (Amil Zakat) khususnya dalam hal ehwal administrasi, kawalseliaan dan penguatkuasaan; mendapatkan autoriti sebagai badan pengurus wakaf di institusi (Nazir al-Awqaf) termasuk pelantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah (ALP); menguruskan kebajikan pelajar dan warga yang memerlukan (pengenalpastian, saringan, simpanan rekod penyimpan dan agihan); serta menguruskan sumbangan dari sumber-sumber lain seperti hibah, tabarru' dan wasiat (Wan Azmi 2015).

Pengagihan dana wakaf berdasarkan objektifnya yang ditentukan di politeknik berperanan mengurangkan bebanan kewangan institusi dan menampung keperluan warga lainnya. Pecahan keperluan-keperluan tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 : Cadangan aktiviti dan peratusan agihan Dana Wakaf

<b>Aktiviti</b>	<b>Peratus (%)</b>
Pembiayaan dan penajaan pelajar	40%
Pembangunan infrastruktur	30%
Pelaburan	20%
Pengurusan	10%

Sumber : Wan Azmi (2014)

Namun begitu, aktiviti dan peratusan agihan tersebut bergantung kepada kelulusan dan kebijaksanaan pihak pengurusan wakaf di setiap IPT terlibat. Tambah Wan Azmi (2014) keperluan utama pendanaan wakaf pendidikan adalah pendanaan pembelajaran (biasiswa); pendanaan aset (komputer riba, tablet dsb); pendanaan atau pengurangan yuran pengajian (diskaun) (Wan Azmi 2014) Kesimpulannya, kefahaman mengenai konsep Dana Wakaf Pendidikan hendaklah diperluaskan dari pemahaman dangkal dan sempit kepada pengertian yang lebih luas dan mencapah khususnya kepada warga politeknik. Selanjutnya, pihak pengurusan Dana Wakaf Pendidikan di politeknik hendaklah lebih proaktif, kreatif dan berinovasi dalam agihan agar semua kumpulan sasar mendapat manfaatnya.

#### **4. Penutup**

Pendidikan adalah hak asasi manusia. Setiap insan berhak mendapatkan pendidikan yang berkualiti untuk kemajuan diri dan dapat menyumbang kepada pihak lain. Namun, kos pendidikan semakin meningkat naik dan bertambah saban tahun khususnya di institusi pendidikan termasuk di Politeknik Malaysia. Oleh yang demikian, dana sokongan selain peruntukan kerajaan amat penting untuk diwujudkan bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan pembangunan pendidikan secara lestari. Wakaf Pendidikan adalah alternatif terbaik berdasarkan rekod keunggulannya sejak dahulu hingga kini. Cabaran bagi mengarusperdanakan wakaf pendidikan di Malaysia dengan mewujudkan Dana Wakaf Pendidikan khas dalam sektor pendidikan berhadapan isu perundangan. Namun begitu, masih wujud ruang dan peluang bagi menjayakan hasrat murni tersebut melalui inisiatif dan kolaborasi secara konstruktif semua pemegang taruh pendidikan di Malaysia dan pihak yang berkepentingan. Pengumuman dan komitmen kerajaan memperkenalkan Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) mungkin menjadi titik tolak penting kepada cita-cita murni tersebut.

#### **RUJUKAN**

- al-Quran al-Karim.
- Albukhary International University (AIU). 2023. About AIU. <https://aiu.edu.my/about-aiu/>.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 113-152.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). 2015. Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Mashi Publication.
- Dzuljastri Abdul Razak, Nor Azizan She Embi, Marhanum Che Mohd Salleh & Faaza Fakhrunnas. 2016. A study on sources of waqf funds for higher education in selected countries. *Adam Akademi, Istanbul*. 6/1 2016:113-128.
- Fatin Dayana Rashid, Razi Yaakob, Hanif Md Lateh & Najibatul Islahiah Nik Ruslan. 2022. Penelitian Terhadap Wakaf Kediaman Dan Pendidikan Di Malaysia Menerusi Komparatif Negara Terpilih. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari (JIMK)*, 23(3): 40-57.
- Ibn Manzur, Muhammad Mukarram. 2005. *Lisan al-‘Arab*. Beirut : Dar Sadir
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2018. Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan (PPWIP). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

- Kamarul Azmi Jasmi & Abd Halim Tamuri. 2007. Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). 2022. Kementerian Pengajian Tinggi Maksud Bekalan/Pembangunan 64. <https://belanjawan.mof.gov.my>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2023. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). <https://www.moe.gov.my/index.php/falsafah-pendidikan-kebangsaan>.
- Maffuza Salleh & Noor Syahida Abdul Rahman. (2014). Wakaf Pendidikan Di Malaysia: Satu Tinjauan. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL* : 670-682.
- Ministry of Higher Education Malaysia (MOHE). 2017. Enhancing University Income Generation, Endowment & Waqf, Putrajaya: Ministry of Higher Education Malaysia.
- Mohd Faizal Noor Ariffin, Mohammad Zaini Yahaya, Abdul Basir Mohamad & Amir Fazlim Jusoh @Yusoff. 2021. Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 6(2): 105-113.
- Mohd Mizan Mohammad Aslam & Wan Mohd Dhairyudeen Helmy Wan Mohar. 2015. Kelestarian Program Akademik Dan Kewangan Dalam Pengajian Tinggi Islam. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)*. <http://www.aiua.asia/journal>. Volume 1, Issue 1 : 1-6.
- Mutiara Dwi Sari, Ab. Aziz Yusof & Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor. 2016. Pembangunan Wakaf Pendidikan di University College Bestari, Terengganu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol. 1(4).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Bayan Linnas Siri Ke-237: Waqaf: Definisi, Konsep Dan Kepentingannya, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - BAYAN LINNAS SIRI KE-237: WAQAF: DEFINISI, KONSEP DAN KEPENTINGANNYA. ([muftiwp.gov.my](http://muftiwp.gov.my)).
- Politeknik Nilai (PNS). 2023. Laman Rasmi Politeknik Nilai (Facebook) <https://www.facebook.com/Polinilai>
- Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). 2023. Laman Rasmi Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Facebook). <https://www.facebook.com/pssaas>
- Razali Othman. 2018. Institusi Wakaf: Sejarah Dan Amalan Masa Kini. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. : 195.
- Razali Othman & Rohayu Abdul-Ghani. 2015. Waqf: Tracing Its Glorious Footprints in Socioeconomic Development of Ummah, *Prosiding Konvensyen Serantau Pengajian Islam 2015*. Penerbit Kolej Islam Melaka. pp 295.
- Suhaimi Samad. 2018. Seminar Wakaf. Kertas Kerja. Jabatan Pengajian Am (JPA), Politeknik Port Dickson (PPD).
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). 2019. Right to education handbook. Paris: UNESCO and Right to Education Initiative. United Nations. 1948. Universal Declaration of Human Rights (UDHR) 1948.
- Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). 2023. Profil. [http://www.usas.edu.my/about\\_us/](http://www.usas.edu.my/about_us/).
- Wan Azmi Wan Ahmad, Muhammad Muzakkir Othman@Seman, Mohd Hafiz Abdul Wahab & Norhasimah Shaharuddin. 2014. Pembangunan Waqaf Pendidikan Di Ipt Malaysia: Satu Alternatif Untuk Mengurangkan Kos Pengajian. Seminar Waqf Iqlimi 2014 : 613-619. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/11574>.

- Yusni Mohamad Yusak. 2020. Tabung Dana Pendidikan Politeknik Port Dickson. Kertas Kerja. Jabatan Pengajian Am (JPA), Politeknik Port Dickson (PPD).
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2019. Bayan Linnas Siri Ke-191: Wakaf Pendidikan Dan Manfaatnya, <https://muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3553> - bayan-linnas-siri-ke-191-wakaf-pendidikan-dan-manfaatnya.